



**WAN Azman Wan Omar (tengah) bersama kumpulan KIK UPM selepas majlis penutup Konvensyen Peringkat IPTA di Sabah, baru-baru ini.**

# UPM Juara Anugerah Inovatif dan Kreatif IPTA

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) muncul johan pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali kelima bagi kategori Pengurusan di Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

UPM yang diwakili oleh kumpulan SMART REG-O dari Pejabat Pendaftar menghasilkan projek bertajuk 'Memantapkan Pengurusan Pelaporan Pelan Integriti Nasional, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan Pasukan Petugas bagi Mengurangkan Kerenah Birokrasi

(PPMKB) Tidak Teratur'.

Hasil inovasi projek tersebut menyaksikan Sistem Pelaporan Integrasi UPM (SPIN) secara on-line telah dibuat dan mendapat pengiktirafan di peringkat IPTA.

Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar berkata, kemenangan itu adalah hasil usaha gigih setiap ahli kumpulan yang membuat persiapan secara menyeluruh dan terperinci.

"Bukan semua KIK boleh menterjemahkan inovasi dalam bentuk dokumentasi," katanya yang menyifatkan

kemenangan itu mencetus semangat kepada kumpulan KIK lain di UPM untuk menghasilkan produk inovasi.

Kumpulan KIK merupakan kumpulan pekerja unit yang sama atau berlainan jabatan yang mengadakan mesyuarat berkala bagi menganalisis masalah berkaitan kerja dan mengemukakan cadangan penyelesaian kepada pihak pengurusan untuk pertimbangan dan pelaksanaan.

Sebanyak 10 IPTA menyertai pertandingan tersebut dengan kategori Pengurusan dan Teknikal dipertandingkan.